

28/11/2001

## Syarat baru meritokrasi jaminan kecemerlangan

KUOTA besar tidak memberi banyak makna jika pelajar yang tidak berprestasi baik pun dapat memasuki institusi pengajian tinggi awam (IPTA). Demikian antara teguran Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad terhadap pelajar Bumiputera, Ogos lalu. Sindiran Perdana Menteri seharusnya menyentak pelajar Bumiputera daripada mengelamun bahawa mereka tetap akan mendapat tempat sekalipun dengan kelayakan minimum. Kini, dengan sistem meritokrasi akan dilaksanakan sepenuhnya pada sesi kemasukan pelajar tahun depan, mereka yang bercita-cita ke IPTA seharusnya sudah melakukan persiapan secukupnya dari segi pencapaian akademik yang tidak memungkinkan mereka ditolak.

Dalam memperkenalkan sistem meritokrasi, kerajaan sebenarnya amat serius, apatah lagi menyedari tahap kelayakan rendah bagi sebilangan pelajar Bumiputera, yang semata-mata dilihat untuk mengisi kuota yang ada, sebenarnya tidak menjanjikan apa-apa. Apa yang diharapkan ialah suasana di kampus serta persaingan antara mahasiswa akan mendorong pelajar yang agak lemah sekalipun meningkatkan prestasi. Bagaimanapun, ia hanyalah dari segi ideal sedangkan tidak semua daripada kuota 55 peratus yang diisi itu berkesudahan dengan pelajar terbabit menerima ijazah. Ada yang terpaksa mengulang semester tertentu dan tidak kurang pula yang gagal.

Sistem meritokrasi pula hanya mengutamakan kecemerlangan. Tanpa tahap pencapaian tertentu, sistem ini tidak menaruh simpati kepada sesiapa. Dengan proses penyaringan dan pemilihan lebih ketat, kebaikan sistem ini ialah ia menjanjikan hanya pelajar berkualiti akan mendapat tempat di IPTA. Dengan terlaksananya sistem berkenaan nanti, soalnya bukanlah berapa ramai pelajar Melayu yang boleh diterima memasuki IPTA tetapi apakah kualiti pelajar Melayu yang harus diberi tempat. Pelajar Melayu tidak boleh dibiarkan terus disogok dengan segala kemudahan dan peluang sedangkan tindakan itu menyebabkan mereka menjadi alpa. Pelajar Melayu perlu dikejutkan supaya meningkatkan daya saing dan meritokrasi adalah antara caranya.

Kini, ia mahu diperluaskan meliputi pelajar yang sedang menuntut di IPTA mulai sesi akademik 2002/2003. Antara lain ia menetapkan pelajar perlu sekurang-kurangnya mencapai markah gred purata (GPA) dua mata setiap semester untuk mengelak bantuan kewangan atau pinjaman daripada digantung. Mengambil kira Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) saja mengeluarkan pinjaman berjumlah RM2.9 bilion kepada hampir 280,000 pelajar sejak 1997, langkah terbaru itu harus amat bertepatan. Sewajarnya dana yang sebegitu besar dimanfaatkan pelajar untuk memburu kecemerlangan, bukan untuk bermewah tanpa dipertanggungjawabkan.

Kalangan tertentu mungkin berpendapat GPA dua mata atau markah 50 peratus bukanlah terlalu sukar dicapai. Dalam pada itu, ia tetap memerlukan pelajar menghadiri kuliah serta mengulang kaji pelajaran untuk melepasi garis lulus. Jauh daripada bertujuan menekan mereka, pengenalan syarat baru itu nanti hendaklah dilihat secara positif dalam menggalakkan pelajar berusaha dengan lebih gigih bagi memastikan kecemerlangan. Sebaliknya, mereka yang mengabaikan pelajaran sehingga GPA dua mata pun tidak mampu dicapai, akan menanggung akibatnya. Cara itu dapat memastikan hanya pelajar yang mempunyai pencapaian konsisten pada setiap semester layak terus menerima bantuan.

(END)